

07 SEP 1998

Abu Zahar - Umno

KESEMUA LIMA BAHAGIAN UMNO MELAKA SOKONG DR MAHATHIR

MELAKA, 7 Sept (Bernama) -- Kesemua lima bahagian Umno di Melaka termasuk pergerakan pemuda dan wanita menyatakan sokongan penuh ke atas tindakan Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed melucutkan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, dan keputusan Majlis Tertinggi Umno memecatnya daripada parti itu.

Ketua Perhubungan Umno Melaka, yang juga Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin hari ini berkata kemelut utama yang dihadapi oleh Anwar membabitkan soal perilaku moral.

"Oleh itu, Dr Mahathir tidak mempunyai banyak pilihan kecuali mengenakan tindakan drastik, kerana perjuangan Umno selama ini tidak sekali-kali bertolak ansur di atas sebarang bentuk salah laku, termasuk soal-soal yang membabitkan jenayah sosial," katanya pada satu persidangan media di sini, selepas taklimat khas isu semasa di bilik mesyuarat Masjid Negeri Al-Azim, di sini.

Kesemua Ketua Bahagian menghadiri mesyuarat itu termasuk anggota Majlis Tertinggi Umno, yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan anggota-anggota Dewan Undangan Negeri UMNO.

Abu Zahar berkata Badan Perhubungan Umno Melaka yakin tindakan yang dibuat oleh Dr Mahathir bukanlah melulu, sebaliknya berdasarkan kepada kewajaran dan pertimbangan yang saksama.

Sehubungan itu, Umno Melaka akan menganjurkan sesi penerangan kepada anggota parti, bertujuan memberikan penjelasan berhubung isu pemecatan Anwar.

Abu Zahar yang juga Ketua Bahagian Umno Jasin menasihati anggota Umno Melaka jangan mudah terpengaruh oleh dakwah negatif yang mungkin disebar.

"Semua anggota harus ikut landasan perjuangan sebenar supaya tidak mudah dipengaruhi oleh mana-mana pihak, yang cuba untuk memecah-belahkan parti," katanya.

Sementara itu, Abu Zahar menjelaskan adalah tidak benar desas-desus sesetengah pihak yang mengatakan beliau sebagai "orang Anwar" dan bekas Timbalan Perdana Menteri itu bertanggungjawab atas pelantikannya sebagai Ketua Menteri Melaka.

Abu Zahar dilantik sebagai Ketua Menteri pada Mei, tahun lepas berikutan kematian Allahyarham bekas Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Ghani.

"Saya berpendapat pelantikan saya oleh Perdana Menteri, yang memberi keyakinan dan kepercayaan kepada saya untuk menjadi Ketua Menteri dan Pengerusi Perhubungan Umno Melaka," katanya.

-- BERNAMA

NO RI